




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 276 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 49,144 kes. Tiada kes kematian direkodkan pada hari ini.
- 2 Pada hari ini, seramai 301 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 45,513 orang. Sejumlah 2,035 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 685 orang di hospital, 1,326 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan 24 orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 91 orang dan 26 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada pertambahan zon merah direkodkan pada hari ini.

4 Pada hari ini, **tiga (3) kluster baharu** dilaporkan:

- i **Kluster Kg Samin, Sipitang** melibatkan lapan (8) lagi kes positif baharu COVID-19 dikesan pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 28 kes. Kes indeks merupakan wanita, 27 tahun yang dikesan melalui saringan bergejala pada 27 Januari 2021 di Hospital Kota Belud. Beliau yang pulang dari majlis pengkebumian di Kg Samin, Sipitang disahkan positif COVID-19 melalui ujian RTK Antigen.
- ii **Kluster Kg Padas Damit, Beaufort** mencatatkan pertambahan enam (6) kes positif COVID-19 pada hari ini, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 32 kes. Kes indeks merupakan wanita berusia 63 tahun yang dikesan positif COVID-19 hasil saringan kemasukan wad pada 24 Januari 2021.

- iii **Kluster Ladang Sg Pin, Kinabatangan** mencatatkan pertambahan 33 kes baharu pada hari ini, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 36 kes positif COVID-19. Kes indeks melibatkan seorang staf ladang dan anaknya yang dikesan positif COVID-19 hasil saringan bergejala.
- 5 Daripada 276 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 174 kes (63%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 24 kes (8.7%), saringan kluster baharu dan sedia ada 53 kes (19.2%), saringan PERKESO satu (1) kes (0.4%), saringan pra rawatan 3 kes (1.1%) dan 21 kes (7.6%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,088 unit, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam berjumlah 4,033 unit dan jumlah katil di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara pula 1,000 unit. Ini menjadikan jumlah kapasiti katil ialah 6,121 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 33.25%.
- 7 Pada hari ini, dua PKRC telah ditutup iaitu PKRC SJK (C) Pai Sheng di Kunak dan PKRC PPR Batu Putih di Sandakan. Turut ditutup operasi di PTS Sandakan.

B BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Bagi bantuan Prihatin COVID-19 2.0 sehingga 1 Februari 2021, sebanyak **1,923** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan.

C LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM INFO ON WHEELS

- 1 Dalam tempoh 24 jam, sebanyak 63 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 39,039 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 93 buah kenderaan diarah berpatah balik. Tiada tangkapan dibuat namun, 65 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 67 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan 31 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan sembilan (9) pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam melibatkan tiga (3) premis, di tiga (3) buah daerah iaitu Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau.
- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 111 lokasi di 14 daerah dengan hebahan dibuat dalam lapan (8) bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Bajau, Bahasa Murut, Bahasa Dusun, Bahasa Kadazan, Bahasa Iranun dan Bahasa Bugis.

D KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP pada hari ini ialah **92.9%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Sipitang	94%
2	Tenom	94%
3	Ranau	94%
4	Kunak	94%
5	Beluran	94%
6	Kota Belud	93%
7	Kinabatangan	93%
8	Beaufort	93%
9	Tuaran	93%
10	Keningau	93%
11	Kota Marudu	93%
12	Kudat	93%
13	Tawau	93%
14	Semporna	92%
15	Sandakan	92%
16	Papar	92%
17	Kota Kinabalu	92%
18	Penampang	92%
19	Lahad Datu	92%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.

Masyarakat diingatkan agar terus mematuhi SOP yang telah ditetapkan dengan tidak mengadakan sebarang aktiviti sosial semasa PKP ini bagi membendung penularan pandemik Covid19.

#kitajagakita #normabaharu

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
1 Februari 2021**